

**UCAPAN  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
SEMPENA MESYUARAT AGUNG UPKO  
DI DEWAN TUN FUAD STEPHENS, PENAMPANG  
12 OGOS 2002**

-----

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, saya dapat hadir memenuhi jemputan dari Presiden dan ahli-ahli UPKO untuk menyampaikan Ucapan Perasmian di Mesyuarat Agung Tahunan UPKO pada kali ini.

2. UPKO telah memenuhi peranan signifikan menjadi penghubung di antara kerajaan dengan kumpulan masyarakat pribumi Sabah yang berketurunan Kadazandusun, Murut dan Rungus. Penyertaan UPKO di dalam BARISAN NASIONAL telah membolehkan rumpun masyarakat pribumi berkaitan, diwakili secara berkesan di dalam kerajaan dan ini sudah pasti dapat meningkatkan fahaman kerajaan tentang masalah dan keperluan masyarakat Kadazandusun, Murut dan Rungus terutamanya apabila kerajaan merangka program pembangunan negara baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri.

3. Pendirian UPKO menyertai BARISAN NASIONAL dan semangat bersama untuk menubuhkan kerajaan memperlihatkan pilihan bijak pimpinan UPKO yang lebih mengutamakan agenda pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dari memilih untuk memenuhi peranan politik sensasi.

4. Memilih untuk menjadi rakan kepada parti yang menubuhkan kerajaan mempunyai tanggung jawab besar dan memerlukan amalan persefahaman yang tinggi. Memilih untuk menyertai kerajaan tidak harus dinilai semata-mata dari segi peluang untuk diberikan jawatan atau tempat kerana jawatan dan tempat di dalam kerajaan adalah terbatas. Urusan melantik jawatan dan memberi tempat di dalam kerajaan melibatkan proses pemilihan. Ada yang dipilih dan ada yang tidak dapat dipilih. Realiti menunjukkan lebih ramai yang tidak dapat dipilih berbanding dengan bilangan yang dapat dipilih.

5. Urusan dan proses pemilihan, melibatkan perasaan manusia - melibatkan emosi manusia, terutama dikalangan mereka yang tidak dapat dipilih disebabkan tempat yang terhad. Namun kesediaan mereka yang tidak dipilih untuk terus memberikan sokongan kepada rakan-rakan yang dipilih dan terus setia meneruskan kegiatan parti adalah satu pengorbanan yang lahir dari hati cecal dan fikiran objektif yang mengutamakan parti, yang mengutamakan matlamat perjuangan, yang mengutamakan semangat berkhidmat dan yang mengutamakan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan sempit diri dan peribadi. Inilah gagasan, inilah landasan, inilah falsafah dan inilah prinsip yang harus dihayati oleh parti-parti dan ahli kepada parti yang berada di dalam BARISAN NASIONAL.

6. Untuk itu saya merakamkan penghormatan tinggi kepada kepimpinan dan ahli-ahli parti yang senantiasa mengutamakan kepentingan parti dan kepentingan rakyat, yang cecal dan kekal setia kepada parti dan kepada perjuangan meski tidak dipilih untuk diberikan sebarang jawatan kerajaan mahupun sebagai calon untuk bertanding di dalam pilihanraya. Lebih dihargai adalah di kalangan mereka yang terus cecal dan terus kekal, setia kepada parti dan setia kepada perjuangan meskipun telah tidak lagi dipilih untuk menjadi calon atau diminta melepaskan

jawatan yang pernah disandang di dalam kerajaan. Sesungguhnya ujian kesetiaan kepada parti dan kepada perjuangan lebih tulus dan lebih ikhlas sewaktu seseorang tidak mempunyai sebarang jawatan atau sebarang kedudukan. Semangat juang sebeginilah yang perlu kita semaikan di dada dan di jiwa, di fikiran dan di hati setiap ahli parti disemua peringkat. Semangat juang yang tulen seperti inilah yang akan menentukan kekuatan sebenar BARISAN NASIONAL.

7. Alhamdulillah sehingga ini BARISAN NASIONAL terus mendapat kepercayaan dan terus mendapat sokongan rakyat meskipun kita menghadapi cabaran dari parti-parti pembangkang terutama dari parti politik yang memakai nama agama, yang semakin memperlihatkan amalan budaya politik teokratik dan budaya politik militan. Kita terus mendapat sokongan rakyat disebabkan kejayaan usaha kita yang terbukti berupaya membangunkan negara baik dari segi prasarana, ekonomi dan sosial.

8. Berasaskan prestasi pembangunan prasarana, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial, BARISAN NASIONAL tidak sepatutnya menghadapi sebarang masalah bagi terus mendapatkan sokongan padu rakyat di negara kita. Berasaskan prestasi pencapaian kita dari segi pembangunan prasarana, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial, parti-parti pembangkang sebenarnya tidak ada isu utama yang boleh mempengaruhi rakyat dari terus menyokong BARISAN NASIONAL.

9. BARISAN NASIONAL dengan sejarah dan falsafah kerjasama yang begitu berkesan sepatutnya merupakan parti teragah yang tidak ada tolok bandingnya di negara kita. BARISAN NASIONAL dengan komponen penyertaan dari pelbagai parti yang mewakili pelbagai agama dan pelbagai kumpulan ethnic merupakan parti politik terbesar di tanah air yang mewakili semua pihak dan semua peringkat. BARISAN NASIONAL seharusnya dijelmakan sebagai satu tenaga politik (political force) yang tidak ada saingannya di bumi ini. BARISAN NASIONAL seharusnya menjadi satu kekuatan politik (political pillar) yang tidak dapat digoncang dan dijatuhkan.

10. Namun dari sudut realiti pencapaian, masih terdapat begitu banyak lompang dan kelemahan yang memerlukan kesungguhan tekad - kesungguhan azam sebelum BARISAN NASIONAL dapat mencapai ke tahap kekuatan yang sukar digugat. BARISAN NASIONAL perlu menerokai segala potensi kekuatan dan melenyapkan segala budaya dan meninggalkan segala amalan yang boleh melemahkan kita.

11. Tanggung jawab ini adalah tanggung jawab kolektif. Tanggung jawab ini perlu dipenuhi secara kolektif oleh semua parti yang menjadi anggota di dalam BARISAN NASIONAL. Tanggung jawab ini perlu dilaksanakan secara kolektif oleh setiap ahli kepada setiap parti yang menganggotai BARISAN NASIONAL. Tanggungjawab kolektif ini dapat disempurnakan jika setiap anggota BARISAN NASIONAL mengamalkan semangat setia kawan yang tulen dan semangat kerjasama yang ikhlas. Tanggung jawab kolektif ini menjadi mudah sekiranya BARISAN NASIONAL dijadikan forum untuk meningkatkan kekesan program politik dan bukan gelanggang untuk memanjangkan perselisihan yang pernah berlaku semasa berada di luar BARISAN NASIONAL.

12. Penguasaan politik BARISAN NASIONAL di Sabah hari ini, kelihatan bertambah kukuh dengan penyertaan kembali PARTI BERSATU SABAH di dalam BARISAN NASIONAL. Mesyuarat Agung UPKO kali ini dilangsungkan dalam suasana dan keadaan politik di Sabah yang kelihatan secara zahirnya semakin stabil - semakin kukuh. Bersandarkan hukum adat dan bersandarkan logik, BARISAN NASIONAL di Sabah tidak seharusnya menghadapi sebarang saingan serius dari mana-mana lawan

politik. Kerajaan BARISAN NASIONAL di Sabah menguasai sepenuhnya sokongan dari parti-parti politik yang telah diberikan kepercayaan di dalam pilihanraya yang lalu.

13. Penguasaan dan pengaruh politik yang menyeluruh ini hendaklah digunakan secara produktif untuk membolehkan segala pemikiran, tenaga dan sumber dijuruskan kepada usaha pembangunan demi membela dan memperbaiki taraf sosio-ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat. Keistimewaan penguasaan politik sekukuh ini sepatutnya membolehkan kerajaan dan pimpinan politik di Sabah dapat bebas dari terlibat dengan polemik politik negatif yang merugikan. Terlalu banyak tenaga, masa dan sumber yang dibazirkan kerana politik yang berpanjangan jika masih berlaku di antara parti-parti politik dan pemimpin politik di Sabah. Insiden keluar masuk parti, insiden keluar masuk BARISAN NASIONAL, insiden bertukar parti, adalah insiden yang tidak memberikan satu kestabilan politik kepada negeri Sabah dan sekaligus menjejaskan program pembangunan yang lebih perlu diutamakan.

14. Suasana dan keadaan terlalu banyak berpolitik (politiking) semata-mata untuk mendapatkan kuasa kerana kuasa tidak memberi erti dan makna kepada negara dan rakyat. Amalan berpolitik (politiking) secara berlebihan akan hanya mencurahkan fikiran dan tenaga kepada kegiatan yang tidak produktif malah merugikan. Budaya berpolitik semata-mata untuk mendapatkan kuasa kerana kuasa tidak akan dapat bertahan kerana sebaik sahaja satu pihak memperolehi kemenangan, pihak yang kalah mula menyusun gerakan untuk menjatuhkan pihak yang menang.

15. Lalu berlaku budaya perebutan kuasa kerana kuasa. Yang menang menumpukan fikiran dan tenaga untuk mengekalkan kuasa dan menghapuskan lawan, yang kalah berusaha untuk menidakkan yang menang dari dapat berfungsi secara berkesan. Akibatnya negara tidak dapat dibangun dan nasib rakyat tidak dapat dibela secara nyata. Rakyat hanya didendangkan dengan janji melalui retorik - melalui laungan idealisma. Pada akhirnya mereka yang berkuasa juga tidak kekal apabila dapat dijatuhkan, lalu disusuli dengan putaran yang sama apabila yang menjatuhkan pemimpin turut pula dijatuhkan kemudian.

16. Inilah faktor yang telah menghalang pembangunan dan kemajuan dari dapat dilangsungkan di kebanyakan negara ketiga dunia yang mencapai kemerdekaan pada sekitar tarikh yang sama dengan negara kita selepas Perang Dunia Kedua. Kebanyakan negara ini masih kekal sebagai negara mundur. Kebanyakan negara ini masih mempunyai pendapatan per kapita yang rendah. Ramai rakyat di kebanyakan negara ini masih menghadapi taraf kemiskinan dan ramai pula mempunyai taraf kesihatan yang rendah. Pengangguran di kalangan rakyat negara tersebut berlaku pada kadar tinggi dan ramai rakyat mereka terpaksa merantau, berpisah dari keluarga mencari pekerjaan di negara lain. Perebutan kuasa dan ada kalanya secara militan dan kekerasan menjadi satu budaya politik. Tidak ada satu kestabilan politik dan tidak ada konsistensi dasar pada setiap kali berlaku peralihan kuasa. Kerana itu negara-negara berkaitan gagal menarik penyertaan pelaburan dari luar malah sumber pelaburan dalam negeri yang sangat terbatas turut dibawa keluar untuk dilaburkan di negara luar yang dianggap lebih stabil dan meyakinkan.

17. Tuhan menjadikan segala kejadian di dunia ini sebagai contoh dan teladan kepada manusia. Ganjaran kepada amalan baik dan hasil kepada kerja yang betul berbanding dengan tanggungan kepada amalan mungkar dan beban kepada kerja yang songsang diperlihatkan untuk manusia mengambil pengajaran. Manusia diberi akal, manusia diberi fikiran untuk mentafsir segala kejadian ini secara bijak - secara

rasional. Tuhan juga memberikan amanah dan kuasa kepada hambanya untuk membuat pilihan berlaku adil atau berlaku zalim, berbuat baik atau berbuat mungkar, membawa perpaduan atau membawa perpecahan, apabila kuasa dianugerahkan kepada manusia.

18. BARISAN NASIONAL telah mengamalkan budaya politik yang mengutamakan keadilan, kebaikan dan perpaduan. BARISAN NASIONAL telah memperkenalkan budaya politik persefahaman dan kerjasama. BARISAN NASIONAL membawa kepada penerimaan rasionalisasi realiti semasa dan rasionalisasi realiti setempat dalam berpolitik dan penggunaan kuasa politik. BARISAN NASIONAL menolak formula penggunaan kuasa menang semua - kalah semua dalam rangka persefahaman di antara rakan-rakan komponen parti yang mewakili rakyat pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa.

19. Dalam semangat persepakatan, mesti ada kesediaan memberi sebelum menerima. Perlu ada persefahaman bahawa pemberian dari mana-mana pihak hendaklah ditafsir sebagai pelaburan kecil untuk mendapat dividen lebih besar dalam bentuk kestabilan politik untuk menjana kemakmuran ekonomi. BARISAN NASIONAL mengiktiraf realiti dan sensitiviti rakyat berbilang agama, kaum, budaya dan bahasa. Namun BARISAN NASIONAL dapat membina penyatuan dalam kepelbagaian, menghargai nilai-nilai yang sama dalam membentuk satu rumpun warga yang beragama dan bermoral dengan berpegang konsep ketuhanan, menghormati perlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan menerokai kemajuan berasaskan sains dan teknologi.

20. Rangka dan acuan politik negara yang diasaskan oleh BARISAN NASIONAL amat bertepatan dengan realiti politik semasa dan realiti politik setempat. Kerana itu BARISAN NASIONAL sedia bersama dengan mereka yang menerima model politik mengikut rangka dan acuan yang bersifat menyeluruh dan begitu menepati dengan iklim politik semasa dan iklim politik setempat. Kerana itu kita dapati tidak ada formula alternatif yang dapat menyaingi model politik yang telah di asaskan oleh BARISAN NASIONAL. Hatta bagi mereka yang pernah memilih untuk tidak mahu bersama BARISAN NASIONAL akhirnya menerima realiti dan kembali bersama kita.

21. Kita mengalu-alukan dan menyambut penyertaan semua pihak yang menerima rangka dan acuan politik kita. Penerimaan kita dan kemasukan mana juga pihak ke dalam BARISAN NASIONAL hendaklah untuk memperkukuhkan kedudukan BARISAN NASIONAL. Kekuatan BARISAN NASIONAL tidak boleh disandarkan kepada bilangan keanggotaan parti-parti di dalam BARISAN NASIONAL. Dalam menilai kekuatan perjuangan, angka tidak membawa erti dan makna. Yang lebih dipentingkan adalah jalinan perpaduan tulen dan bersungguh dari semua pihak.

22. Saat ujian paling kritikal kepada setiap anggota komponen BARISAN NASIONAL adalah ketika menghadapi pilihanraya dan ketika parti mahu membentuk kerajaan. Pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponen dan penentuan anggota kerajaan ketika menubuhkan kerajaan adalah penentu kepada ikrar lisan yang seringkali dibuat oleh pemimpin dan anggota parti. Urusan mengagih tempat yang terhad bukanlah satu tugas mudah. Penerimaan kepada realiti pengagihan kerusi untuk bertanding dan pemilihan calon menuntut kepada satu ketabahan dipihak parti dan ahli terutama bagi mereka yang tidak terpilih. Di masa yang lalu, kita dapati ramai calon bebas muncul pada hari penamaan calon. Rekod menunjukkan bahawa calon-calon bebas ini seringkali terdiri dari mereka yang pernah menjadi ahli parti yang menganggotai BARISAN NASIONAL atau calon- calon bebas tajaan parti yang

menjadi rakan di dalam BARISAN NASIONAL. Amalan ini menjadi satu lumrah dan begitu ketara berlaku di negeri SABAH di masa lalu.

23. Amalan tersebut adalah cerita lama. Mungkin ketika itu kepimpinan politik di Sabah masih dalam proses mencari tahap kematangan politik (level of political maturity). Perkara yang lepas biarlah berlalu. BARISAN NASIONAL di Sabah dalam era politik di alaf ini hendaklah membawa satu budaya baru, satu imej baru, satu dimensi baru dan satu pendekatan baru yang memperlihatkan tahap kematangan. Kesediaan duduk serumah dibawah bumbung BARISAN NASIONAL hendaklah disusuri dengan semangat setia kawan dengan satu suara dalam perjuangan - satu irama dalam tindakan. Tidak lagi harus kita benarkan berlaku budaya kawan menjadi lawan. Rakyat sudah muak dan pengundi sudah jelik dengan budaya politik yang berunsur tepat di luar rencong di dalam. Kita tidak mahu lagi panji-panji BARISAN NASIONAL dikoyak oleh gunting yang berada di dalam lipatan. Setiap kita di dalam BARISAN NASIONAL adalah dari rumpun politik yang sama, kemenangan mana-mana pihak yang terpilih di antara kita, adalah kemenangan bersama dan kekalahan mana-mana pihak adalah ketewasan kita semua.

24. Untuk itu saya menyeru kepada ahli-ahli UPKO pada hari ini untuk menyemaikan budaya politik yang telus dan terbuka dalam hubungan sesama ahli UPKO dan dalam hubungan dengan rakan-rakan anggota BARISAN NASIONAL. Ahli-ahli UPKO hendaklah meletakkan satu sasaran gerak kerja parti dengan satu kualiti atau taraf piawaian kesetiaan kepada parti dan kepada BARISAN NASIONAL hingga dapat dijadikan contoh bagi rakan-rakan lain di dalam BARISAN NASIONAL. Parti-parti komponen di dalam BARISAN NASIONAL kesemuanya hendaklah sama-sama meletakkan satu kualiti dan satu taraf piawaian kesetiaan kepada parti dan kepada BARISAN NASIONAL.

25. Dalam kekuatan BARISAN NASIONAL dari segi bilangan dan sokongan khususnya di Sabah, BARISAN NASIONAL sudah sepatutnya mempunyai keyakinan seratus peratus bukan sahaja untuk mengekalkan kuasa di Sabah malah untuk memenangi kesemua kerusi yang dipertandingkan. Apa juga kelemahan yang mungkin berlaku adalah berpunca dari faktor dalaman yang dicetuskan oleh kita sesama sendiri yang banyak berkisar di kalangan individue lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang menjadi pemimpin.

26. Saya menyeru untuk para pemimpin di dalam BARISAN NASIONAL ini untuk benar-benar bersatu. Bersatu mementingkan perjuangan parti, bersatu membangunkan negara dan bersatu membawa kesejahteraan kepada rakyat. Siapa juga yang berada di atas tidak harus kita pertikaikan asalkan matlamat dan aspirasi perjuangan dapat dicapai. Pemimpin juga harus sedia menjadi pengikut kerana pemimpin yang berkesan harus juga bersedia menjadi pengikut yang baik lagi setia. Pejuang yang tulen, akan kekal setia kepada perjuangan baik ketika ia menjadi pemimpin mahupun ketika dia bertaraf pengikut. Pahatkanlah pegangan berpolitik kita dengan kesetiaan kepada perjuangan tanpa mengira kedudukan dan jawatan.

27. Saya yakin jika ahli-ahli parti dan anggota BARISAN NASIONAL dapat mengamalkan budaya politik yang positif dan membuktikan kesetiaan kepada perjuangan, tidak ada sebab untuk BARISAN NASIONAL tidak dapat mengekalkan kuasa bukan sahaja di Sabah malah di seluruh negara.

Terima kasih.